

## *Akhbar Perobahan Baharu*

ZAKIAH HANUM ABD. HAMID

Salah sebuah akhbar semasa pemerintahan Jepun ialah akhbar Melayu bernama *Perobahan Baharu* iaitu nama pindaan bagi akhbar *Majlis*. Ketua Pengarangnya ialah Yunus Hamidi dan penerbitnya ialah Osman Abdullah. Akhbar bertulisan jawi ini mula diubah nama (dari *Majlis*) dalam tahun 1942, dijual dengan harga 10 sen dan disebut sebagai akhbar Melayu harian diterbitkan dengan semangat tertib baru 'Asia bagi umat Asia.' Kumpulan akhbar ini yang tersimpan di Arkib Negara bertarikh 11 Julai 1944 hingga 3 September 1945.

Akhbar empat muka surat ini mengeluarkan banyak berita dari luar negeri terutamanya di Tokyo dan bagi Tanah Melayu berita negeri Selangor menjadi tumpuan utama kerana akhbar diterbitkan di Kuala Lumpur, dengan pejabatnya di No. 157, Batu Road (Jalan Tuanku Abd. Rahman). Bangunan ini mempunyai hubungkait penting kepada negara terutama selepas Perang Dunia Kedua kerana di situlah mulanya parti politik Melayu iaitu *UMNO* dirangka dan dirancangkan. Antara tokoh-tokoh awal yang merancang penubuhan parti politik itu termasuklah Pendita Zaaba, yang banyak sekali berusaha mewujudkan *UMNO* termasuk dengan mencadangkan namanya.

Akhbar *Perobahan Baharu* kerap membangkitkan hal-hal keperluan Persatuan-persatuan Kebajikan memperkencangkan langkah-langkah menggerakkan 'kaum masing-masing bagi memperkuatkan binaan barisan belakang medan perang.'

*Persekutuan Kebajikan Melayu Selangor* yang kerap sekali mendapat laporan akhbar ditubuhkan pada 15 Februari 1944 dengan tujuan memajukan orang Melayu Selangor serta memastikan ahli-ahlinya taat dan memberi segala kerjasama kepada Kerajaan yang memerintah. Cawangan-cawangan bagi persatuan ini wujud di semua daerah pada masa itu. Setiap orang Melayu yang bertugas dengan Kerajaan dikehendaki menjadi ahlinya. Selain daripada negeri Selangor negeri-negeri lain juga mempunyai persatuan yang sama.

Pada 12 Ogos 1944, pengulas akhbar membangkitkan mengenai 'siapakah yang bertanggungjawab mempertahankan *Malai*', di mana seruan dibuat kepada seluruh penduduk untuk keluar dan turut serta pasukan-pasukan sukarela yang bertujuan untuk 'pertahanan dan perkawalan tanah air' yang termasuk *A.R.P.* Pemuda-pemuda diseru mengambil peluang 'yang akhir sekali untuk membuktikan sebagai harapan bangsa.' Dimaklumkan bahawa semasa zaman British volunteers dikehendaki semata-mata untuk mempertahankan tempat atau jajahan masing-masing sahaja. Mereka sedar bahawa 'kedudukan mereka dalam peperangan Nippon menghalau British adalah menjadi orang tengah dan bahagian yang diambil cuma menonton.'

Seruan dibuat kepada pemuda-pemuda yang 'akan berasa malu manakala tempatnya di pejabat-pejabat, di gudang-gudang, di kilang-kilang harta, di sawah ladang akan digantikan tegak-tegak oleh saudara-saudara perempuan kelak kerana kaum perempuan nampaknya akan semakin banyak keluar mengambil tempat saudara lelakinya.' Harapan pihak akhbar pemuda-pemuda menyedari hakikat ini dan 'akan segera menawarkan diri' memberi khidmat sukarela. Dikatakan 'tersangatlah hina orang yang berdalih-dalih dan menjadi malu jika dipaksa baru menyerahkan diri kerana keadaan pemuda-pemuda yang begini akan terpandang lebih pengecut daripada saudara-saudaranya kaum pemuda.'

Pada 25 Ogos 1944 penyunting akhbar menyentuh ucapan Perdana Menteri Jepun yang meminta rakyat Jepun 'mengeluarkan pati kekuatan mereka' dan memperkemaskan langkah perjuangan bukan sahaja untuk menentang tetapi untuk memberi balasan yang menghabiskan kepada musuh.' Yang utama di dalam hal ini adalah semangat dan kepada orang Melayu semangat adalah 'kubu kebal dan senjata sakti.' Umat Melayu diseru supaya rapat dan berpadu untuk 'mengeluarkan kekuatan pati tenaga mempertahankan keselamatan tanah pusaka kita.' Mereka diingatkan bahawa 'kedatangan peperangan itulah perubahan dan kesudahan peperangan itulah yang menentukan dengan tetapnya akan kedudukan satu-satu umat itu.'

Pada 15 September 1944 pengulas membangkitkan mengenai kemaraan Tanah Melayu yang penduduknya pada masa itu berjumlah 7 juta. Dikatakan Tanah Melayu telah 'jauh maranya di dalam langkah perbinaan bahaya' jika dibandingkan dengan Malaya dahulu. Tanah Melayu adalah sebuah wilayah yang terpenting sekali menjadi anggota kawasan kemakmuran bersama *Asia Timur Raya*. Bumiputera di Tanah Melayu telah 'bersibuk yang belum pernah diketahui seumpamanya di dalam lapangan pertanian, barisan pertahanan termasuk semua cawangan barisan Tentera sukarela serta Polis dengan tidak kurang pula berkhidmat dengan cawangan-cawangan perusahaan perang seperti di kilang-kilang kapal terbang, tentera laut dllnya.' Kaum bumiputera yang penduduknya dikatakan berjumlah 2 juta di waktu itu mengambil bahagian utama dalam segala bidang yang dibangkitkan itu.

Di Selangor juga telah diwujudkan *Pertubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu* yang dirasmikan pada 24 September 1944. Penubuhannya amat dihargai oleh orang Melayu serta umat Islam Selangor kerana mereka perlu bergerak dengan segala pergerakan kebajikan yang ada untuk 'menemui saat yang genting sekarang ini.' Sultan Selangor telah mengasaskan Pertubuhan tersebut di Istana Mahkota Kelang.

Suatu pandangan mengenai pemuda-pemuda di Tanah Melayu dikeluarkan oleh pengulas yang menganggap pemuda memanglah harapan bangsa dan menjadi ukuran maju atau mundurnya sesuatu bangsa. Dikatakan pemuda-pemuda Malaya yang telah 'terasuh oleh British dengan pelajaran dan semangat

gilakan bayang-bayang kemodenan barat sehingga mereka telah membelakang sama sekali kepada sawah dan ladang' dan yang lebih buruknya mereka senantiasa mengutamakan diri sendiri.

Dikatakan bahawa Semenanjung Tanah Melayu diketahui seluruh dunia sebagai tanah air bangsa Melayu. Setiap orang Melayu dirasakan sudah cukup faham bahawa tujuan peperangan *Asia Timur Raya* ini memerdekakan semuanya daripada cengkaman British/Amerika/Belanda. Setiap yang dilakukan oleh pihak Jepun ialah supaya setiap bangsa *Asia Timur Raya* dapat berdiri di atas kakinya sendiri dengan merdekanya.' Dikatakan bahawa peperangan ini bukanlah bagi Nippon seorang sahaja tetapi bagi bangsa *Asia Timur Raya* yang termasuk bangsa Melayu Semenanjung.

Suatu analisis panjang dibuat berkaitan dengan kaedah peperangan di dunia sekarang. Peperangan dunia kedua dianggap sebagai peperangan yang besar sekali dan seandainya berlaku peperangan pada masa akan datang ianya dijangka tidak 'akan menjadi sebegini besar dan aedah peperangan yang ada ini terlalu berlainan dengan kaedah-kaedah yang telah berlaku dahulu.'

Peperangan dahulu dikatakan telah dijalankan oleh sebilangan ahli-ahli siasah yang mempunyai cita-cita yang tamak atau kerana faedah diri, negara, bangsa atau ekonomi. Perang Dunia Kedua timbul oleh kerana kehendak memisahkan keadaan manusia. Kuasa-kuasa besar memaksa manusia berperang dan kekuatan manusia tidak berupaya menahankan pecahnya perang itu. Perang Dunia Kedua ini diibaratkan seperti air pasang dan surut bagi dunia dan lagi 'perang ini ialah suatu kesusahan dan keberatan yang telah disebabkan oleh perbuatan-perbuatan yang menjahanamkan diri sendiri menurut angan-angan yang telah dikumpul oleh manusia dan oleh sebab-sebab itu maka tidaklah boleh dielakkan.'

Dengan kerana itu manusia tidak boleh terlepas dari pengaruh perang. Mereka tidak boleh dikecualikan dari perang kerana mereka juga menghadapi suasana sama seperti negeri-negeri berperang terutamanya dalam 'kecemasan iktisad dan kesukaran kehidupan.' Masyarakat sedar bahawa kehidupan rakyat bumiputera adalah dalam keadaan aman dan sentosa tetapi sekonyong-konyongnya mereka dihadapi oleh peperangan yang memaksa sebilangan daripada mereka dipaksa 'pergi ke hadapan di barisan perang oleh bangsa-bangsa Inggeris dan Amerika.'

Daripada tinjauan yang dibuat di Tanah Melayu, nyata bahawa rakyat tidak ambil peduli pihak mana yang akan menang dan pihak mana yang akan kalah. Harapan mereka ialah supaya perang akan tamat dengan seberapa segeranya supaya mereka hidup dengan aman seperti sediakala.

Berita-berita terperinci disiarkan mengenai kawalan serangan udara pada hujung November 1944. Masyarakat di Selangor diminta berhati-hati dalam hal kawalan serangan udara. Semenjak beberapa bulan banyak berita disiarkan mengenai pergerakan kapal terbang musuh (Inggeris dan Amerika) yang menjenguk ke angkasa negeri-negeri lain. Di tempat-tempat lain di Asia Timur

musuh datang dengan beratus-ratus buah kapal terbang. Latihan dimulakan dengan minggu *ARP* di mana ditunjukkan cara-cara menyelamatkan diri, anak isteri serta rumahtangga daripada kecemasan. Mereka yang hadir diajar bermacam-macam perkara untuk menangani kecemasan termasuk mengadakan alat-alat untuk memadam api dengan mudah di setiap rumah. Begitu juga dengan cara memadam api daripada bom-bom pembakar.

Pada 8 Disember 1944, diadakan perayaan ulangtahun ketiga peperangan *Asia Timur Raya*. Telah disiarkan perkara-perkara yang termasuk kenapa Jepun berperang, apa yang telah dilakukan mereka di seluruh Asia, apa sebabnya umat Asia tertarik hati untuk sama-sama berjuang, apa yang diikrarkan oleh bangsa-bangsa Asia sebagai mengasaskan pendirian *Asia Timur Raya baru* dan apakah yang harus dilakukan oleh penduduk-penduduk Malaya dalam hal ini. Perayaan di Kuala Lumpur dijalankan di Padang Besar (Selangor Club Padang) dengan dihadiri oleh Gabenor Selangor.

Di hari-hari terakhir bagi tahun 1944, penyunting banyak membangkitkan mengenai langkah-langkah baru bagi umat di Tanah Melayu untuk menyambut tahun baru. Umat Melayu dikatakan 'sedang membentuk masyarakat baru'. Setiap puak penduduk Tanah Melayu mempunyai persatuan-persatuan kebajikan dipastikan bergerak laju membuktikan jasa kepada bangsa.

Raja Uda, Ketua *Persekutuan Kebajikan Melayu Selangor* dalam ucapan tahun baru 1945 menyuarakan rasa terhutang budi kepada *empire* Jepun 'atas perlindungan keselamatan dan kesentosaan negara.' Negara telah mengalami beberapa perubahan yang berfaedah untuk memastikan rakyat kembali hidup dalam keadaan aman sentosa seperti sediakala. Umat Melayu termasuk belia-belia telah menunjukkan semangat keperwiraan dengan begitu bersungguh sekali.

Ketua Jabatan Dakyah Kerajaan Selangor berjumpa dengan pihak media dan memberi penerangan wajib untuk orang ramai menghadapi serangan musuh yang 'sedang bersungguh-sungguh membuat serangbalas hendak mengambil semua jajahannya dahulu'. kapal terbang musuh dijangka melawat Tanah Melayu, oleh itu urusan *ARP* diminta diperkemaskan lagi. 'Tiap-tiap perlindungan mesti beratap, baldi air dan pasir mesti senantiasa sedia untuk memadamkan bom-bom api atau bom pembakar'. Masyarakat diminta menyediakan makanan dan tidak lari berpindah macam zaman British dahulu 'kerana walau di mana mereka berpindah mereka tidak akan lepas dari kesengsaraan'.

Pada 12 *Kamiaro* 1945 dilaporkan tentang kedatangan kapal terbang B29 sebanyak 20 buah di Singapura (*Syonan*). Pihak Jepun telah melawan dengan menembak dua buah kapal terbang dan 14 pula binasa dan jatuh ke bumi. Laporan meminta rakyat supaya jangan gementar dengan serangan musuh; sebenarnya kapal terbang-kapal terbang mereka telah dimusnahkan dan ini harus memberi gambaran kepada pihak British mereka pasti akan mendapat sambutan dahsyat seandainya mereka datang semula ke Tanah Melayu, 'umat Malaya sekarang bukanlah umat Malaya dulu.'

Pada 2 Februari 1945, 5 buah B29 menyerang Pulau Pinang dengan mengebom beberapa tempat di bandar, tetapi kerosakan hanya sedikit sahaja. Di Singapura 54 buah B29 menyerang bandar tersebut. Beberapa buah kapalterbang telah ditembak jatuh oleh tentera Jepun, di angkasa kawasan laut lima batu dari Port Dickson. Sembilan orang juruterbang pihak musuh Jepun turun ke bumi dengan payong terjun.

Pada 15 Februari 1945 suatu upacara mengalu-alukan kelahiran yang ketiga *Malai Baharu* (Malaya baru) telah diadakan di Padang Besar di Kuala Lumpur dengan kehadiran Gabenor Selangor, Shotara Kanayama. Sultan Selangor telah menyampaikan utusan sambil membangkitkan soal rakyat negara yang boleh berdiri di atas kaki sendiri semenjak tahun 1942. Dikatakan keadaan mula berubah di tahun ketiga selepas pemerintahan Jepun kerana terancam oleh serangan-serangan kapalterbang B29. Rakyat diingat supaya bersedia mempertahankan negara dan dalam pada itu 'mestilah melipat ganda iktibar-iktibar kita mengeluarkan benda-benda makanan dengan lebih banyak lagi. Kita mesti berdiri tetap dan tenang dalam masa menghadap sebarang serangan musuh.'

Gabenor Selangor dalam ucapannya membangkitkan tentang Tanah Melayu yang 'menjadi pusat bagi sekelian negeri di sebelah selatan Asia Timur Raya, jadi pembenaannya sangatlah mustahak.' Gabenor membangkitkan tentang 'musuh-musuh kita yang sombong itu sedang menyerang kita di sana-sini dengan bertambah-tambah dahsyatnya. Oleh itu ketentuan kalah menang dalam peperangan ini makin sehari makin hampir.' Beliau bangkitkan mengenai peperangan di Filipina antara tentera Jepun dengan Amerika yang sedang berlaku di ketika itu.

Pada 20 Februari 1945 buat pertama kali musuh Jepun menyerang daerah berhampiran dengan Kuala Lumpur. Lebih 50 buah kapalterbang B29 melayang di angkasa Kuala Lumpur dan mengebom dengan 'bom-bom pemecah dan bom-bom pembakar' terutama sekali ke atas rumah-rumah kediaman di pinggir Kuala Lumpur. Kapalterbang-kapalterbang itu berada di udara Kuala Lumpur selama 1 jam 10 minit di waktu tengah malam. Penduduk-penduduk diberi nasihat supaya mengelakkan kemalangan menimpa mereka. 'Orang-orang yang tidak membuat pekerjaan mustahak dinasihat berpindah ke tempat-tempat sebelah barat dan selatan Kuala Lumpur.' Mereka diminta menghantar perempuan-perempuan dan anak-anak mereka ke daerah-daerah itu. Orang ramai diminta masuk ke dalam tempat-tempat perlindungan waktu berlaku serangan udara pihak musuh Jepun.

Bermula 1 April 1945 di negeri Selangor diadakan latihan bergelap samar yang melibatkan juga kawasan-kawasan ARP di Kuala Lumpur. Peraturan latihan melibatkan perlindungan cahaya lampu bagi mengelakkan bahaya pengeboman dari kapalterbang-kapalterbang musuh Jepun. Segala lampu yang digunakan di kedai-kedai perniagaan 'mestilah dilindung betul dan dipadamkan dalam masa semboyan.' Setiap rumah pula harus mempunyai sebuah bilik yang

terlindung sepenuhnya cahaya lampunya. Ini semua dilakukan sebagai persediaan menghadapi serangan-serangan kapalterbang musuh yang berada di angkasa pada bila-bila masa. Bukti-bukti menunjukkan 'musuh telah menjadi semakin berhempas pulas dan telah mencabulkan segala undang-undang bangsa-bangsa dalam peperangan udara dengan mengebom tempat-tempat yang bukannya matlamat tentera...'

Pada 25 Jun 1945 penyunting membangkitkan mengenai usaha pendakwah di Selangor yang bertujuan memberi penerangan dan kesedaran orang ramai supaya tidak terpedaya dengan 'dakyah-dakyah musuh yang ditaburkan dengan menggugurkan risalah-risalah' dari udara. Dikatakan umumnya orang Melayu 'tidak mudah tertawan dengan dakyah-dakyah palsu kerana mereka mengerti dan sedar bahawa dakyah-dakyah palsu kerana mereka mengerti dan sedar bahawa dakyah-dakyah seperti itu semata-mata gula-gula yang berisi racun.' Ramai rakyat Tanah Melayu dikatakan masih belum lupa dakyah British yang menghebahkan dari Singapura dengan menyatakan Masjid Jame' di Kuala Lumpur telah dibom oleh Jepun hingga hancur. Ramai telah datang ke Kuala Lumpur tetapi mendapati masjid itu berada seperti biasa. Mereka yang melihat sendiri kepalsuan dakyah-dakyah ini tidak lagi mempercayai sebarang usaha 'propaganda' ini yang begitu getik bunyinya. Orang ramai diingat dalam masa keadaan yang genting begini ada bermacam-macam ragam dakyah; 'oleh itu janganlah ada sesiapa yang terkena makan pisang yang berisi pancing yang akan mencangkuk leher sendiri.'

Orang Melayu diseru supaya insaf dan mengerti akan keadaan ini semua pada bila-bila masa dan mereka sebagai bumiputera Tanah Melayu harus berjaga diri supaya tidak terkena 'lari dari rahang harimau masuk ke rahang buaya.' Mereka haruslah senantiasa ingat dan sedar Tanah Melayu itu tempat hidup dan mati mereka dan hendaklah percaya bahawa keselamatan mereka terpulang kepada pembelaan yang berani daripada mereka sendiri, kerana itu hendaklah mereka bersatu hati dan berazam menghadapi segala percubaan yang sedang dan akan tiba.' Penyunting menasihatkan masyarakat 'bahawa jalan yang lebih sempurna ialah bersatu dan bekerjasama serta percaya mempercayai bangsa sendiri.'